

# JHEP UMS dan DBKK jayakan Gap Year


UB 31.8.2017 2



**KOTA KINABALU:** Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berjaya menganjurkan Program Gap Year buat pertama kalinya di negeri ini.

Program Gap Year adalah idea dari Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia Datuk Seri Idris Jusoh. Program ini boleh dikatakan sebagai pemberian 'tempoh rehat' iaitu selama tiga bulan kepada pelajar selepas peperiksaan akhir dan sebelum bermulanya tahun pengajian seterusnya.

Dengan tempoh Gap Year yang panjang ini, pelajar yang terlibat mempunyai masa yang cukup untuk



**ISMAIL menyampaikan basikal kepada Yeo.**

menimba pengalaman sama ada pengalaman kerja, menjadi sukarelawan, atau apa sahaja yang boleh mendatangkan manfaat kepada mereka. Selepas kembali semula daripada cuti panjang itu, majoriti dalam kalangan

mereka dilihat lebih berfikir matang, berdikari sekali gus dilihat memberi nilai tambah sebelum memasuki alam pekerjaan yang sebenar kelak.

Bagaimanapun, kerajaan menggalakkan pelajar



**YEO menyampaikan penghargaan kepada peserta.**

mendaftarkan nama mereka untuk menyertai khidmat sukarelawan sama ada dalam atau luar negara misalnya menjadi tenaga pengajar di kem pelarian di luar negara selain menyertai kerja sukarela bersama pihak polis, imigresen, kastam dan sebagainya.

Ini adalah salah satu cara

untuk mematangkan fikiran mahasiswa dan menambah pengetahuan sekali gus bersedia untuk menghadapi dunia pekerjaan kelak.

Seramai 29 orang pelajar UMS turut serta dalam program berkenaan. Program penutupan ini disempurnakan oleh Mayor Bandaraya Kota Kinabalu Datuk Yeo

Boon Hai dan disaksikan oleh Ketua Pembangunan Mahasiswa Kementerian Pendidikan Tinggi Prof. Madya Dr Sopian Bujang.

Naib Canselor UMS Prof Dr. D. Kamaruddin D. Mudin berkata UMS sentiasa komited dan menyokong melaksanakan Program Gap Year ini.

Walau apa sahaja rancangan untuk memenuhi masa sepanjang Gap Year itu, pastikan ianya benar-benar memberi manfaat agar masa yang diberikan tidak terluang begitu sahaja.

Dalam majlis itu turut diselitkan dengan penyerahan basikal elektrik kepada Mayor Bandaraya Kota Kinabalu. Ini sebagai satu usaha UMS dalam menyokong penuh usaha DBKK bagi menjayakan Program Green City dan berhasrat akan menjadi pengedar tunggal jenama basikal Voltron di UMS dan Sabah. Ini kerana UMS pada masa ini mempunyai 200 buah basikal elektrik jenama Voltron sumbangan dari KETTHA.

UMS akan sentiasa membudayakan program berbasikal dalam kalangan pelajar. Selain itu dalam menaikkan nama UMS sebagai Unversiti Eco Campus, UMS menyediakan kemudahan basikal kepada pelancong yang datang ke UMS. Ini selaras dengan pelan strategik UMS dan naib canselor UMS memberi perhatian penuh dalam hal ini.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Dr. Ismail Ali dalam ucapannya berkata UMS sangat berterima kasih kepada pihak DBKK atas kesudian membenarkan para sukarelawan UMS mengadakan Gap Year di DBKK. "Saya berharap agar program ini akan dapat dijalankan lagi pada masa akan hadapan dan ianya tidak terhenti di sini."

Turut hadir dalam program ini ialah Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS Ahmadi Nurdin dan pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS.